



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

KEMBARA SAINS BORNEO SIRI 2 BERJAYA DEKATI KOMUNITI BAGI MENINGKATKAN MINAT DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NABAWAN, 30 SEPTEMBER 2023 – Kembara Sains Borneo (KSB) anjuran Pusat Sains Negara (PSN) dan Akademi Sains Malaysia menerima sambutan hangat dari masyarakat Sabah dengan mencatatkan bilangan pengunjung melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

Berucap di Majlis Perasmian Penutup KSB Siri Dua Tahun 2023, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, seramai 19,408 komuniti telah terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dibawakan dalam KSB di Kimanis dan Kalabakan termasuklah aktiviti-aktiviti sampingan yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah sekitar Parlimen Kimanis, Kalabakan dan Pensiangan sehingga 27 September 2023.

Katanya lagi, di KSB Siri 2 Pensiangan yang diadakan bermula semalam, kita telah merekodkan sejumlah 3,000 pengunjung pada hari pertama menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 22,408 pengunjung. Jumlah ini telah berjaya melepasi sasaran yang telah kita tetapkan sebanyak 10 ribu pengunjung.

Menyifatkan KSB Siri 2 yang dianjurkan PSN sebagai satu kejayaan, beliau percaya jumlah keseluruhan pengunjung ini akan berlipat kali ganda di sepanjang berbaki dua (2) hari lagi pelaksanaan program KSB Siri 2 Parlimen Pensiangan.

“Secara umumnya, kita dapat melihat sambutan yang amat baik daripada komuniti di setiap lokasi KSB terutamanya komuniti pedalaman Sabah. Saya yakin dengan data-data dan maklum balas yang kita terima daripada para pengunjung, program jangkau luar seperti KSB dapat kita pertimbangkan sebagai program berkala yang wajar dilaksanakan bagi memastikan aspek pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dilaksanakan secara menyeluruh.”

Ulasnya lagi, program jangkau luar pembudayaan STI dapat membantu negara melahirkan modal insan yang mencukupi dalam bidang ini bagi menampung permintaan dalam industri berasaskan teknologi yang menawarkan pelbagai potensi ekonomi serta peluang-peluang pekerjaan dengan menawarkan gaji lumayan.

Menurut Pengarah Pusat Sains Negara, Puan Mismah Jimbun, “Bertemakan Sains Itu Menyeronokkan, PSN telah membawakan pengalaman sesebuah Pusat Sains kepada komuniti setempat di tiga lokasi terpilih di Sabah iaitu Kimanis (15-17 September 2023), Kalabakan (22-24 September 2023) dan Pensiangan (29 September – 1 Oktober 2023). PSN menawarkan pelbagai aktiviti interaktif yang menarik berkonsepkan *hands on, minds on, hearts on* selaras dengan usaha memperkenalkan pembelajaran sains tidak formal berkonsepkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada masyarakat dan penyertaan adalah percuma kepada semua.”

PSN membawakan bahan pameran interaktif bernilai hampir RM2 juta yang dibawakan khas daripada Kuala Lumpur bagi memberi pengalaman kepada semua peringkat masyarakat supaya dapat merasai keseronokan pembelajaran dalam bidang STI.

Hadir sama, Senator Ahli Dewan Negara, YB Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan; Ahli Undangan Negeri Nabawan, YB Datuk Abdul Ghani Mohd Yassin; Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Mohd Hanafiah Mohd Kassim; Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik MOSTI, Dr. Noraisah Spahat; Ketua Eksekutif *Institute For Development Studies* (Sabah) Datuk Ts. Ramzah Dambul; Puan Mismah Jimbun, Pengarah Pusat Sains Negara dan Encik Peter Jiton, Pegawai Daerah Nabawan.

#TAMAT#

**Disediakan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
30 SEPTEMBER 2023**

Kit Media :

https://drive.google.com/drive/folders/1KoZ61ZA4vt-aEGazGu6z_ZYkYOTQtHJT

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Sugeh Budee Qamaruz Zaman (019-6537358)

Pegawai Tugas-Tugas Khas

TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Hafizah Kher (017-2156862)

Penolong Pengarah

Unit Komunikasi Korporat

PUSAT SAINS NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my

PSN juga telah mengadakan program sampingan (*side program*) ke sekolah-sekolah terpilih di lokasi Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 diadakan. Melalui program sampingan ini, PSN memberikan perasaan ingin tahu (*teaser*) kepada pelajar dan guru dan seterusnya dapat memberikan keseronokan pengembaraan sains bersama-sama. Antara aktiviti yang akan diadakan adalah persembahan sains dan aktiviti sains ringkas.

Selain daripada itu, PSN juga mengadakan Program Inovasi Pendidik bertempat di Tabika KEMAS Daerah Nabawan. Program yang disertai oleh 50 orang pendidik KEMAS ini mendapat kerjasama daripada Jabatan KEMAS Daerah Nabawan, Sabah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan perkongsian kepada pendidik beberapa pendekatan kaedah pengajaran STEM melalui teknik pembelajaran sains bukan formal yang menyeronokkan dan boleh diaplikasikan semasa sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) kepada para pendidik seawal peringkat prasekolah.

SENARAI SEKOLAH YANG TERLIBAT BAGI SIDE PROGRAM KSB 2023

No	Tarikh	Tempat
1	13 September 2023	SK Pekan Membakut, Beaufort
2		SMK Membakut, Beaufort
3	14 September 2023	SK Pekan Bongawan, Papar
4		SMK Bongawan, Papar
5	20 September 2023	SK Kukusan, Tawau
6		
7	21 September 2023	SK Merotai Besar, Kalabakan
8		SMK Merotai Besar, Kalabakan
9	26 September 2023	SMK Keningau 2
10		SK Sook
11	27 September 2023	SMK Nabawan II
12		SK Tetagas
13		SMK Nabawan
14		SK Pekan Nabawan